

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2021/2022

NAMA KURSUS	:	ETIKA DALAM PENGGUNAAN KOMPUTER
KOD KURSUS	:	BBP 45302
KOD PROGRAM	:	BBF
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JANUARI / FEBRUARI 2022
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	1. JAWAB SEMUA SOALAN 2. PEPERIKSAAN AKHIR INI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN DAN DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU .

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA BELAS (12)** MUKA SURAT

SULIT

TERBUKA

BAHAGIAN A

- S1** Manakah antara berikut merupakan definisi yang paling tepat bagi etika?
- A Tingkahlaku individu adalah berlandaskan undang-undang negara.
 - B Apa yang kita fikir benar tidak semestinya benar bagi orang lain.
 - C Kaedah pemikiran individu dan tindakan dipengaruhi oleh falsafah moral.
 - D Tingkahlaku dan kelakuan moral yang dijangka diikuti oleh manusia.
- S2** Mengapakah etika dikatakan bersifat relatif?
- A Cara berfikir dan bertindak seharusnya sama pada setiap manusia.
 - B Moral yang relatif adalah sebahagian daripada sifat etika.
 - C Sesuatu perkara yang dianggap benar tidak semestinya benar kepada orang lain.
 - D Tokoh-tokoh etika telah mengklasifikasikan sifat-sifat etika yang relatif.
- S3** Etika komputer perlu diketahui oleh semua pihak terutamanya profesional komputer atas sebab-sebab berikut kecuali
- A mengelakkan jenayah, penyalahgunaan dan malapetaka komputer.
 - B meningkatkan kualiti dan ketinggian akhlak individu.
 - C menyelesaikan masalah moral.
 - D mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan positif.
- S4** Prinsip-prinsip etika memberi penekanan dalam proses membuat keputusan. Setiap individu adalah bertanggungjawab untuk
- A menjaga kepentingan diri masing-masing
 - B mengambil tahu hal-hal peribadi rakan pejabat
 - C mencegah kemungkaran yang berlaku dihadapan mata
 - D menghormati dan menghargai keputusan orang lain
- S5** Antara pernyataan berikut, manakah yang tidak benar mengenai undang-undang?
- A Membatasi perlakuan baik dan jahat sama ada individu atau kelompok
 - B Cukup untuk menentukan batas etika dan moral.
 - C Dikuatkuasakan oleh mahkamah.
 - D Penentuan batas perlakuan jenayah adalah jelas.
- S6** Kod etika profesional adalah salah satu alat kawalan sosial yang berfungsi sebagai
- A rujukan membaiki komputer yang dijangkiti malware
 - B pencegahan isu-isu dalam bidang komputer
 - C penjana pendapatan peniaga komputer
 - D pencetus minat dalam bidang komputer

- S7 Apakah tujuan utama karya diberi hak cipta?
- A Melindungi pengguna tempatan.
 - B Melindungi pembeli karya kreatif.
 - C Melindungi pencipta karya kreatif.
 - D Melindungi peniaga industri kecil.
- S8 Suhana menegur perbuatan Imran yang telah memalukan salah seorang sahabat mereka, Aiman di media sosial. Akibat perbuatan Imran, Aiman mengalami tekanan dan kemurungan. Manakah rukun etika yang sepadan dalam situasi ini?
- A Tidak menggunakan komputer untuk membahayakan orang lain.
 - B Tidak menggunakan atau menyalin perisian yang tidak dibeli secara sah.
 - C Tidak menggunakan sumber komputer orang lain tanpa kebenaran atau bayaran.
 - D Tidak menggunakan komputer untuk mencuri.
- S9 Plagiat merupakan perbuatan meniru sebahagian atau keseluruhan karya milik orang lain tetapi mengakui karya tersebut sebagai miliknya sendiri. Manakah rukun etika yang sepadan dengan pernyataan ini?
- A Tidak menggunakan sumber komputer orang lain tanpa kebenaran atau bayaran.
 - B Tidak menggunakan tanpa kebenaran output intelektual orang lain.
 - C Memikirkan akan kesan sosial program atau sistem yang dibangunkan.
 - D Menggunakan komputer dengan memberi pertimbangan dan hormat kepada manusia lain.
- S10 Manakah antara berikut bukan ciri penggadam topi hitam?
- A Pakar dalam pencerobohan komputer.
 - B Memecah masuk sistem dan rangkaian dengan niat yang tidak baik.
 - C Mendedahkan kelemahan sistem kepada pemilik.
 - D Mendatangkan masalah pada sistem syarikat.
- S11 Apakah kesan kepada mangsa akibat *masquerading*?
- A Berlaku kecurian harta benda.
 - B Data peribadi diubahsuai dan dipadam dengan mudah.
 - C Gangguan talian internet.
 - D Jaringan *wifi* diceroboh orang luar.

- S12** Manakah antara berikut pernyataan yang tidak benar mengenai cecacing?
- A Tidak memerlukan bantuan pengguna untuk tersebar.
 - B Boleh berganda dengan sendirinya.
 - C Tidak menjejaskan rangkaian komputer.
 - D Kesan kerosakan disebabkan oleh cecacing kurang serius berbanding virus.
- S13** Manakah antara berikut merupakan contoh plagiat?
- A Membaca perenggan dalam talian dan menaip semula kata-kata anda sendiri.
 - B Menyalin dan menampal kerja orang lain ke dalam tugas anda menggunakan tanda petikan dan memetik pengarang.
 - C Menulis sitasi apabila mengambil idea daripada penulis lain.
 - D Menyalin dan menampal ayat dari internet ke dalam tugas anda.
- S14** Langkah-langkah pengawalan cetak rompak perisian adalah seperti berikut kecuali
- A memboikot hasil karya pemuzik luar negara.
 - B kawalan harga maksima ke atas karya tempatan.
 - C penguatkuasaan undang-undang ke atas jenayah cetak rompak.
 - D kesedaran masyarakat terhadap cetak rompak.
- S15** Manakah antara berikut bukan merupakan impak serangan siber ke atas sesuatu peniagaan?
- A Syarikat terpaksa membeli perkakasan yang baharu.
 - B Reputasi syarikat terjejas teruk.
 - C Pemegang saham mengalami kerugian.
 - D Kehilangan pelanggan tetap.
- S16** Seorang guru pendidikan jasmani telah memuat turun sebuah video dari Youtube mengenai tip-tip bermain bola sepak dan memasukkan video tersebut ke dalam kumpulan Whatapps Kelab Bolak Sepak sekolahnya. Perbuatan guru tersebut
- A tidak beretika kerana video itu bukan hasil karyanya.
 - B boleh diterima kerana video tersebut tidak menjana pendapatan kepadanya.
 - C boleh diterima kerana dia hanya seorang guru.
 - D tidak bermoral kerana tidak menghasilkan video itu sendiri.

S17 “Perisian yang membolehkan seseorang memperoleh maklumat rahsia mengenai aktiviti komputer lain dengan menghantar data secara tersembunyi dari cakera keras”

Penyataan ini merujuk kepada serangan

- A *wiretapping.*
- B *internet fraud.*
- C *time bomb.*
- D *spyware.*

S18 Plagiat boleh membawa pelbagai implikasi kepada institusi, masyarakat dan negara kecuali

- A mencemarkan imej institusi pengajian.
- B penulis asal akan berasa sedih dan tidak dihargai.
- C tesis pelajar ditolak dan terbatal.
- D melahirkan pelajar yang tidak berkualiti.

S19 Bagi meningkatkan kesedaran pengguna mengenai *Trojan Horse*, Kolej Aman boleh melaksanakan aktiviti berikut kecuali

- A kempen kesedaran ancaman keselamatan computer.
- B penguatkuasaan undang-undang.
- C pemasangan anti-virus yang terkini.
- D ceramah mengenai tatacara pengendalian internet.

S20 Berikut adalah cara-cara yang boleh dilakukan oleh individu bagi mengelakkan dirinya menerima e-mel spam kecuali

- A melanggan laman web yang sah.
- B menggunakan teknik *encrypt* pada alamat emel semasa.
- C menggunakan penyedia e-mel (*email provider*) yang selamat.
- D membuat tapisan kepada e-mel spam.

S21 Apakah punca yang menyebabkan berlakunya plagiat?

- A Sumber rujukan di perpustakaan terhad.
- B Pelajar lebih suka mencari sumber rujukan di laman web.
- C Tidak tahu bahawa plagiat merupakan perbuatan tidak beretika
- D Tiada peruntukan undang-undang yang khusus berkaitan plagiat

- S22** Pilih pernyataan yang tidak benar mengenai hak cipta.
- A Malaysia mempunyai sistem pendaftaran hak cipta yang bersistematik.
 - B Hak cipta mempunyai tempoh masa tertentu.
 - C Perlindungan hak cipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hak Cipta 1987.
 - D Hasil karya yang telah dibuat di Malaysia layak dilindungi oleh Akta Hak Cipta 1987.
- S23** Sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat berikut kecuali
- A usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli.
 - B karya tersebut telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan.
 - C hasil karya tersebut haruslah daripada orang yang telah dikenali.
 - D karya tersebut telah dibuat di Malaysia atau penerbitan pertama karya adalah di Malaysia.
- S24** Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh seorang penggadam.
- melindungi sebuah sistem
 - tiada niat menceroboh sistem
 - dikenali sebagai penceroboh beretika
- Individu tersebut merupakan seorang
- A penggadam topi hitam.
 - B penggadam topi putih.
 - C Penggadam topi kelabu.
 - D Penggadam topi merah.
- S25** Berikut merupakan jenayah-jenayah komputer yang boleh dikenakan tindakan berdasarkan Akta Jenayah Komputer 1997 kecuali
- A penggunaan tanpa kebenaran program komputer.
 - B penghantaran haram data atau mesej melalui komputer.
 - C penggadaman dan keretakan sistem komputer dan rangkaian.
 - D menghantar ugutan menerusi pesanan ringkas.
- S26** Akta ini bertujuan untuk melindungi pendapatan yang bakal diperoleh pemilik dan penerbit. Akta yang dimaksudkan ialah
- A Akta Internet 1981.
 - B Akta Jenayah Siber 1997.
 - C Akta Hasil Cipta 1995.
 - D Akta Hak Cipta 1997.

- S27** Orang awam turut mendapat kesan akibat kegagalan memahami isu-isu etika pengkomputeran seperti berikut kecuali
- A hilang kepercayaan terhadap teknologi pengkomputeran.
 - B fobia dalam menggunakan perkakasan komputer.
 - C mudah mempercayai berita palsu.
 - D rasa kurang selamat terhadap data-data peribadi
- S28** Kevin Mitnik, Kevin Poulsen dan Justin Tanner terkenal dalam
- A pencerobohan pangkalan data syarikat telekomunikasi
 - B pencerobohan laman sesawang kerajaan US
 - C pencerobohan sistem komputer
 - D pencerobohan pangkalan tentera laut
- S29** R.O Mason telah mengkategorikan isu etika kepada empat iaitu
- A kebersendirian, ketepatan maklumat, hak milik dan isu capaian.
 - B keperibadian maklumat, keselamatan data, hak milik dan hak capaian.
 - C kesulitan data, hak cipta, isu capaian dan isu milikan.
 - D ketepatan sumber, isu capaian, hak milik dan hak capaian.
- S30** Antara berikut yang manakah akan menjadi karya kreatif yang boleh dilindungi oleh Akta Hak Cipta?
- A Senarai semua kod zip.
 - B Lukisan sebuah kampung.
 - C Muzik yang digubah sendiri.
 - D Nama tumbuhan yang hampir pupus.
- S31** Kecanggihan teknologi maklumat, permintaan yang tinggi dan kelonggaran penguatkuasaan undang-undang adalah penyebab kepada berlakunya
- A pelanggaran etika penggunaan komputer.
 - B jenayah cetak rompak perisian yang berleluasa.
 - C pencerobohan dalam sesuatu sistem komputer atau pangkalan data.
 - D ketidakstabilan emosi pengguna komputer.
- S32** Manakah antara berikut bukan ciri kata laluan yang mempunyai tahap keselamatan yang tinggi?
- A Mengandungi sekurang-kurangnya 16 aksara.
 - B Mengandungi aksara seperti simbol, huruf kecil dan besar.
 - C Menggunakan nombor yang tidak berulang-ulang susunannya.
 - D menggunakan kata laluan yang tidak berkaitan dengan ciri-ciri peribadi pengguna.

- S33** Jika seseorang didapati bersalah melakukan kesalahan dalam Bahagian II, Seksyen 6 Akta Jenayah Komputer iaitu melakukan kesalahan “komunikasi salah”, apakah hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atasnya?
- A Denda maksimum RM150,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.
 - B Denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.
 - C Denda maksimum RM25,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
 - D Denda maksimum RM250,000 atau penjara tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya.
- S34** Berikut merupakan langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi mengelakkan kata laluan anda digodam kecuai
- A mencipta kata laluan yang mudah diingat.
 - B menulis kata laluan pada buku catatan.
 - C menukar kata laluan sebulan sekali.
 - D mengelakkan penggunaan nama haiwan kesayangan.
- S35** Manakah antara berikut bukan akta dan rang undang-undang untuk mengawal selia penyalahgunaan teknologi maklumat dan komunikasi?
- A Akta Komunikasi dan Multimedia 1997.
 - B Akta Jenayah Komputer 1997.
 - C Akta Hak Cipta Pindaan 1997.
 - D Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998.
- S36** Manakah antara berikut bukan kaedah untuk melindungi sesebuah syarikat daripada serangan siber ?
- A Sentiasa berwaspada dengan ancaman serangan.
 - B Sentiasa melakukan data enkripsi .
 - C Menggunakan *anti malware* dan perisian *firewall*.
 - D Sentiasa membuat *back up* terhadap perkakasan.
- S37** Manakah antara berikut salah satu cara yang dilakukan oleh lanun cetak rompak?
- A Menjual hasil karya asal dan tanpa pengubahsuaian.
 - B Mempamerkan hasil karya orang lain dengan kebenaran.
 - C Menyalin hasil karya orang lain dan menjual semula dengan tajuk yang sama.
 - D Mengeluarkan bahan atau perkakasan yang menggunakan idea yang berbeza.

- S38** Ameera membeli sebuah laptop dari sebuah syarikat yang membekalkan komputer. Oleh kerana ingin menjalin hubungan baik dengan pelanggannya, pekedai tersebut telah meletakkan pelbagai perisian cetak rompak ke dalam cakera keras laptop Ameera. Berdasarkan situasi tersebut, perbuatan ini adalah
- A sah dan beretika.
 - B sah tetapi tidak beretika.
 - C tidak sah tetapi beretika.
 - D tidak sah dan tidak beretika.
- S39** Muhammad telah melanggan satu pelan pelaburan selama 15 tahun. Setelah mencapai tempoh matang, dia ingin menuntut had faedah yang layak untuk pelaburannya itu. Namun, syarikat pelaburan tersebut telah menolak tuntutan Muhammad dengan alasan dia telah pun membuat tuntutan sebelum itu. Situasi yang dihadapi oleh Muhammad menunjukkan dia telah mengalami
- A kecurian kad kredit.
 - B kecurian identity.
 - C pemalsuan passport.
 - D kehilangan dokumen peribadi.
- S40** Antara hasil karya berikut yang manakah dilindungi oleh Akta Hak Cipta 1997?
- I Muzik
 - II Grafik
 - III Sastera
 - IV Tandatangan digital
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S41** Manakah antara berikut merupakan cara mencegah komputer daripada dijangkiti virus?
- I Memasang *anti-virus* dan *firewall* yang dipercayai
 - II Peka dengan e-mel yang masuk ke *inbox*
 - III Elakkan dari muat turun sebarang perisian yang mencurigakan
 - IV Elakkan dari menekan pautan pada iklan *pop-up*
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S42 Ciri-ciri penggodam *skrip kiddie* adalah seperti

- I merupakan penggodam profesional
- II tiada keinginan untuk belajar menggodam
- III mempunyai niat yang kurang baik
- IV menggunakan kod program daripada penggodam lain

- A II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, III dan IV sahaja

S43 Terdapat tiga kesalahan utama yang dinyatakan oleh akta dalam menangani masalah jenayah komputer ini iaitu

- I kesalahan capaian tanpa kuasa kepada bahan-bahan komputer
- II meletakkan unsur-unsur tidak elok di luar persekitaran terkawal
- III capaian tanpa kuasa dengan niat untuk melakukan atau memudahkan berlakunya kesalahan lanjut
- IV kesalahan pengubahsuaian tanpa kuasa kandungan mana-mana komputer

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S44 Bagaimanakah pengguna dapat mengenal pasti aktiviti *phishing*?

- I E-mel yang meminta pengguna mengesahkan maklumat peribadi
- II Alamat e-mel dan laman web kelihatan tidak asli
- III E-mel yang mengandungi lampiran yang mencurigakan
- IV E-mel kelihatan sangat teratur tanpa kesalahan ejaan

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S45 Manakah antara berikut merupakan petunjuk bahawa maklumat peribadi seseorang itu telah dicuri?

- I Transaksi bank yang tidak dilakukan oleh pemilik akaun.
- II Tidak menerima surat-menyurat seperti biasa.
- III Pemungut hutang menagih hutang yang bukan milik.
- IV Caj pembelian barang atau servis yang tidak dikenali pada laporan kredit.

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S46 Manakah antara berikut termasuk dalam rukun etika dicadangkan oleh Institut Etika Komputer?

- I Tidak mengganggu kerja komputer orang lain
- II Tidak membelek fail komputer orang lain
- III Tidak menggunakan komputer untuk mencuri
- IV Tidak mengugut orang lain menggunakan komputer

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D II, III, dan IV

S47 Penyataan yang merujuk kepada undang-undang termasuklah

- I penentuan batas perlakuan adalah jelas
- II dikuatkuasakan oleh mahkamah
- III mematuhi undang-undang bermakna mematuhi etika
- IV merupakan peraturan minimum untuk mengawal jenayah

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S48 Orang awam tidak mengambil peduli mengenai isu-isu etika kerana

- I Tidak nampak kesan ketara akibat isu etika tersebut
- II Tidak mempunyai pengetahuan yang luas mengenai isu etika
- III Kurang pengetahuan mengenai undang-undang siber
- IV Tidak menerima impak yang hebat apabila terdapat isu etika yang berlaku

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S49 Manakah antara berikut merupakan cara-cara untuk melindungi maklumat peribadi?

- I Elakkan daripada memuat naik dokumen peribadi dalam *public cloud*.
- II Sentiasa *back up* data.
- III Tidak meninggalkan komputer atau gajet tanpa pengawasan.

SULIT

IV Memastikan semua maklumat rasmi disimpan di tempat yang selamat dan berkunci.

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C III, dan IV sahaja
- D I, II, III, dan IV

S50 Etika menggunakan media sosial termasuklah

- I Elak penggunaan media sosial di pejabat.
- II Mengenali rakan media sosial.
- III Memuat turun aplikasi yang dicadangkan oleh rakan di media sosial.
- IV Tidak melanggar hak cipta atau harta intelek orang lain.

- A I, II, dan III sahaja
- B I, II, dan IV sahaja
- C I, III, dan IV sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

BAHAGIAN B**S51** Isu-isu mengenai etika dalam penggunaan komputer sering kali disalah tafsir dan sukar difahami oleh masyarakat. Terangkan kenapa perkara ini berlaku?

(15 markah)

S52 Apakah yang dimaksudkan dengan buli siber? Huraikan kesan yang ditinggalkan oleh pembuli tersebut kepada mangsanya? Anda boleh kaitkan dengan contoh yang bersesuaian.

(15 markah)

S53 Terangkan secara ringkas mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Bagaimanakah seseorang individu dapat mempertahankan data peribadinya daripada dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab?

(10 markah)

S54 Dylon merupakan seorang pencipta muzik dan penulis lirik lagu. Hasil karyanya dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat tertentu. Jelaskan tiga (3) hak eksklusif yang diperoleh Dylon sebagai pemilik karya tersebut.

(10 markah)

-SOALAN TAMAT-**SULIT**

TERBUKA